

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
PULAU PINANG  
BIL. 1/2024**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PECAH BAHAGI BANGUNAN  
BAGI HOTEL**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini dikeluarkan sebagai panduan dan pemakluman mengenai Garis Panduan Permohonan Pecah Bahagi Bangunan bagi Hotel di Pulau Pinang.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1. Permohonan Pecah Bahagi Bangunan yang dimohon oleh pemilik tanah adalah tertakluk kepada syarat-syarat permohonan mengikut seksyen 9, Akta Hakmilik Strata 1985.

2.2. Syarat kelulusan permohonan Pecah Bahagi Bangunan oleh Pengarah Tanah dan Galian adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelulusan mengikut seksyen 10, Akta Hakmilik Strata 1985.

2.3. Pembangunan hotel adalah tertakluk kepada kelulusan Perintah Pembangunan atau Pelan Kebenaran Merancang yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**3. PELAKSANAAN**

3.1. Pengarah Tanah dan Galian bersetuju agar permohonan Pecah Bahagi Bangunan bagi Hotel diseragamkan seperti berikut:-

3.1.1. **Hotel yang dibangunkan di dalam skim bercampur hakmilik strata hanya boleh dikeluarkan satu (1) hakmilik strata sahaja. Tiada hakmilik strata dikeluarkan ke atas unit-unit di dalam pemajuan hotel berkenaan sama ada mengikut bilik atau tingkat.**

3.1.2. **Pembangunan hotel secara tunggal (*stand alone*) yang tidak dibangunkan di dalam pemajuan berstrata tidak boleh mengemukakan permohonan Pecah Bahagi Bangunan.**

3.2. Sehubungan itu, permohonan Pecah Bahagi Bangunan bagi pemajuan hotel yang tidak memenuhi syarat-syarat tersebut di atas tidak akan dipertimbangkan walaupun telah memperolehi kelulusan Perintah Pembangunan atau Pelan Kebenaran Merancang daripada PBT.

#### **4. TARIKH KUATKUASA**

4.1. Pekeliling ini terpakai bagi semua permohonan Pecah Bahagi Bangunan bagi Hotel yang telah memperolehi kelulusan Perintah Pembangunan atau Pelan Kebenaran Merancang.

4.2. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 31 Januari 2024.



**(DATO' HAJI ZULKIFLI BIN LONG)**

Pengarah Tanah dan Galian  
Pulau Pinang

Tarikh : **31/1/2024**